

## PERATURAN BOLA TAMPAR WANITA

### 1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa dan Peraturan-Peraturan Am MSKPP Malaysia.

### 2. PENDAFTARAN PEMAIN

2.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada 12 orang pemain terdiri daripada

2.1.1 Seorang pengurus,

2.1.2 Seorang jurulatih,

2.1.3 12 orang pemain.

### 3. SISTEM PERTANDINGAN DAN SKOR

3.1 Sila rujuk Peraturan Am (9) MSKPP Malaysia.

3.2 Pada pusingan awal, pertandingan akan dijalankan berdasarkan kepada 2 set terbaik "**Best of Three Sets**".

3.3 Jika berlaku seri pada set kedua, set penentuan (set ketiga) dimainkan kepada kiraan mata rally 25 mata dengan kelebihan minimum 2 mata. Di mata 13 tukar gelanggang.

3.4 Bagi pusingan separuh akhir / akhir ia akan dimainkan berdasarkan kepada 3 set terbaik "**Best of Five sets**" dengan kiraan mata rally untuk set kelima sehingga 15 mata dengan kelebihan minima 2 mata.

### 4. CARA MEMUTUSKAN PEMENANG

4.1 Mata akan diberikan seperti berikut :

4.1.1 Menang - 3 mata

4.1.2 Kalah - 1 mata

4.1.3 Pembatalan Teknik - 0 mata

4.2 Jika dua atau lebih pasukan yang memperolehi mata yang sama, maka kaedah berikut akan digunakan :

C = A / B

A = Jumlah Set Menang ( semua perlawanan)

B = Jumlah Set Kalah (semua perlawanan)

C = Nisbah Set Pasukan mendapat nisbah set ( nilai C ) tertinggi akan dikira menang.

4.3 Sekiranya masih berlaku seri pasukan yang mendapat nisbah mata tertinggi akan dikira menang dengan perkiraan seperti berikut :

Z	=	X / Y
X	=	Jumlah Mata Menang ( semua perlawanan)
Y	=	Jumlah Mata Kalah (semua perlawanan)
Z	=	Nisbah Mata

4.4 Sekiranya masih berlaku seri juga, maka keputusan perlawanan yang telah diadakan antara 2 pasukan itu akan diambil kira. Pasukan yang menang dalam perlawanan itu dikira menang,

4.5 Sekiranya seri – undian.

## 5. PAKAIAN

5.1 Semua pemain dalam sesuatu pasukan hendaklah memakai jersi yang seragam dan bernombor depan dan belakang 1 – 18 mengikut undang-undang FIVB.

5.2 Size nombor tidak kurang 10 cm tinggi di depan dan 15 cm di belakang dan tebal tidak kurang daripada 2 cm.

5.3 Pemain libero hendaklah menggunakan jersi yang berlainan warna daripada jersi pasukannya.

## 6. PERLAWANAN YANG DITUNDA / DIBERHENTIKAN

6.1 Sekiranya pengadil berpendapat bahawa perlawanan tidak dapat diteruskan atas sebab-sebab tertentu seperti cuaca dan sebagainya, Jawatankuasa Pengelola Pertandingan akan memutuskan keputusan yang bersesuaian dengan keadaan semasa ( tidak melebihi 4 jam ).

6.2 Sekiranya bermain semula di gelanggang yang sama, set tegendala akan disambung dengan mata, pemain dan kedudukan yang sama. Set yang terdahulu dikekalkan.

6.3 Sekiranya gangguan melebihi 4 jam, keseluruhan permainan akan dimainkan semula.

## 7. KELEWATAN

Hanya lima belas (15) minit akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan percuma.

## 8. PENGADIL

Sila rujuk Undang-Undang dan Peraturan Am MSKPP Malaysia (Peraturan 14). Tugas pengadil dan penjaga garisan bagi satu-satu perlawanan akan diuruskan oleh Jawatankuasa Pengelola.

**9. BANTAHAN**

Sila rujuk Undang-Undang dan Peraturan Am MSKPP Malaysia (Peraturan 15).

**10. LEMBAGA JURI RAYUAN**

Sila rujuk Peraturan Am MSKPP Malaysia (Peraturan 16).

**11. PEKARA YANG TIDAK DINYATAKAN**

Bagi perkara-perkara yang tidak dibekalkan/dinyatakan dalam Undang-Undang dan Peraturan Am MSKPP Malaysia, Jawatankuasa Pengelola adalah berhak membuat keputusan dan segala keputusannya adalah muktamad.